

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI  
ZAKARIA [ PARIT ]**

**TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 16**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara usahawan; dan
- (b) apakah pelan strategik yang akan dilaksanakan bagi membantu usahawan di Malaysia.

**JAWAPAN (a)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk menerajui usaha pembangunan keusahawanan yang terancang dan bersepada ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan menjelang tahun 2030. Ke arah ini, usaha-usaha yang dilaksanakan, di antaranya adalah:

- (i) mewujudkan bilangan komuniti usahawan yang optimum (*critical mass of entrepreneurs*) melalui pelaksanaan program-program *outreach* dan program-program kesedaran keusahawanan di pelbagai peringkat serta dalam sektor ekonomi tertentu dan

bidang berpertumbuhan tinggi selain memberi pengiktirafan kepada usahawan tempatan dan mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;

- (ii) memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat pendidikan tertiar termasuk dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
- (iii) merasionalisasi peranan dan fungsi agensi-agensi dan organisasi-organisasi yang melaksanakan program pembangunan keusahawanan (*Entrepreneurship Development Organisations - EDOs*) untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pelaksanaan program keusahawanan di samping memastikan keberkesanan dan keberhasilan pelaksanaannya;
- (iv) meningkatkan peluang dan galakan untuk menceburi bidang keusahawanan terutamanya dalam kalangan Bumiputera, golongan terpinggir termasuk isi rumah berpendapatan rendah (B40), penduduk kawasan pedalaman dan orang kelainan upaya (OKU) serta kumpulan fokus khas seperti wanita, belia, warga emas dan masyarakat Orang Asli/Asal melalui program-program *outreach*, bantuan dan intervensi bersasar; dan
- (v) memacu perusahaan berteraskan inovasi (*innovation driven enterprise*) dan industri berpertumbuhan tinggi (*high growth industry*) melalui bantuan bersasar.

Perjalanan transformasi untuk merealisasikan matlamat sebuah Negara Keusahawanan juga bertitik tolak daripada kerjasama secara efektif, koordinasi yang mampan serta komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak. Tumpuan juga harus diberi kepada usaha membina hubungan kerjasama yang seimbang di antara sektor awam dan swasta secara kolektif.

**JAWAPAN (b)**

Tuan Yang di-Pertua,

MED akan melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) pada

11 Julai 2019 yang menggariskan strategi jangka panjang bagi menetapkan halatuju pembangunan keusahawanan negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan menjelang tahun 2030.

Susulan pelancaran DKN kelak, MED akan mengadakan kolaborasi dan kerjasama strategik dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi untuk membangunkan pelan tindakan yang memperincikan strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah DKN. Melalui DKN dan pelan tindakan ini, MED berhasrat untuk mewujudkan sebuah ekosistem keusahawanan yang merentasi semua bidang industri dan merangkumi setiap peringkat usahawan dalam negara.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*